

Nasional

48,605 lepasan STPM layak masuk 20 universiti awam

Tanpa sistem kuota, guna prinsip meritokrasi

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Seramai 48,605 pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan setaraf ditawarkan tempat untuk melanjutkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi Sesi Akademik 2020/2021 di 20 universiti awam (UA).

Daripada keseluruhan yang ditawarkan tempat berkenaan, 40,559 (89 peratus) adalah perempuan, manakala bakinya 18,109 (31 peratus) lelaki.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam kenyataan semalam memaklumkan pihaknya menerima 58,668 permohonan daripada calon lepasan STPM.

Penerimaan kemasukan pelajar ke UA adalah berdasarkan prinsip

meritokrasi yang mana semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di UA.

Tiada sistem kuota digunakan dan sistem ini sudah digugurkan sejak sesi pengambilan 2002/2003.

KPT dalam kenyataan itu menjelaskan surat tawaran rasmi akan dikeluarkan oleh UA ber-

kaitan kepada calon yang berjaya bermula hari ini dan calon yang menerima tawaran perlu membuat pengesahan setuju terima tawaran dalam tempoh lima hari bekerja iaitu selewat-lewatnya 26 Ogos ini.

Pengesahan setuju terima tawaran dan surat tawaran boleh dicetak melalui Laman Web UA seperti di Lampiran 1.

Calon yang tidak menerima sebarang tawaran/gagal boleh mengemukakan permohonan rayuan melalui UPUOnline di <http://upu.mohe.gov.my>.

"Permohonan rayuan menerusi UPUOnline Rayuan yang akan dibuka dalam tempoh 10 hari mulai 18 Ogos jam 12 tengah hari sehingga 28 Ogos jam 5 petang," kata kenyataan itu.

Tawaran tempat bagi sesi akademik 2020/2021 adalah muktamad dan sebarang permohonan pertukaran tidak dibenarkan.

Dasar pemilihan rayuan pelajar adalah tertakluk kekosongan tempat yang ditawarkan mengikut program pengajian selepas pendaftaran pelajar baharu selesai dilaksanakan.

Senarai tarikh pendaftaran pelajar baharu kemasukan ke 20 universiti awam (UA) bagi program pengajian lepasan STPM/Setaraf Sesi Akademik 2020/2021

Bil	Institusi	Pendaftaran di kampus
1	Universiti Malaysia (UM)	3-9 Oktober 2020
2	Universiti Sains Malaysia (USM)	Kampus Induk: 2-4 Oktober 2020 Kampus Kejuruteraan: 4 Oktober 2020 Kampus Kesihatan: 4 Oktober 2020
3	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	3 & 4 Oktober 2020
4	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	10 & 11 Oktober 2020
5	Universiti Putra Malaysia (UPM)	10 & 11 Oktober 2020
6	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	2 Oktober 2020
7	Universiti Utara Malaysia (UUM)	5 & 6 Oktober 2020
8	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	5 & 6 Oktober 2020
9	Universiti Malaysia SABAH (UMS)	5 & 6 Oktober 2020
10	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	28 September 2020
11	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	9-11 Oktober 2020
12	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)	4 Oktober 2020
13	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	4 Oktober 2020
14	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	10 & 14 Oktober 2020
15	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	5 Oktober 2020
16	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	14 Oktober 2020
17	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)	10 Oktober 2020
18	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	18-20 Oktober 2020
19	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	4 Oktober 2020
20	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	3 & 4 Oktober 2020

Permohonan rayuan
menerusi UPUOnline
Rayuan dibuka dalam tempoh 10 hari mulai 18 Ogos jam 12 tengah hari sehingga 28 Ogos jam 5 petang.

Kenyataan Kementerian Pengajian Tinggi